

Sabtu, 1 Mac 2014

1. SPRM buka 18 siasatan penjawat awam

PUTRAJAYA 28 Feb. - Sebanyak 18 kertas siasatan telah dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penjawat awam berdasarkan teguran yang dibuat di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 sehingga 21 Februari lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, kesemua siasatan terhadap 18 kes berkenaan selesai dan setiap kertas siasatan telah diserahkan kepada pihak Jabatan PEGUAM NEGARA untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, daripada 18 kes tersebut ada di antaranya yang dicadangkan oleh SPRM kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk dituduh di mahkamah namun begitu terdapat juga disyorkan untuk tindakan tatatertib.

"Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 terdapat 378 teguran melibatkan 111 teguran bagi perkhidmatan awam persekutuan, 38 teguran bagi badan berkanun dan 229 teguran bagi negeri.

"Sebanyak 267 teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja, kesemua teguran itu telah dan sedang diambil tindakan oleh agensi yang terlibat, manakala 111 teguran lagi melibatkan kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan Ali berkata, sebagai langkah jangka panjang, SPRM bukan sahaja memfokuskan kepada tindakan punitif (menghukum) melalui penyiasatan tetapi turut melihat aspek penambahbaikan terhadap amalan, sistem dan prosedur melalui khidmat pemeriksaan dan perundungan.

"Hal demikian adalah untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang boleh membuka ruang dan peluang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa diperbaiki.

"Setakat ini 21 khidmat nasihat pemeriksaan dan perundingan telah dijalankan bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan," katanya.

Selain itu, katanya, sehingga 21 Februari juga, terdapat 24 kes melibatkan 140 pegawai telah memulakan prosiding tatatertib dan surcaj.

"Dari pada jumlah tersebut 99 pegawai akan melalui prosiding di bawah tatatertib, 12 pegawai dikenakan prosiding tatatertib dan surcaj dan 29 pegawai dimulakan prosiding di bawah surcaj," katanya.

Katanya, salah laku 140 pegawai tersebut melibatkan 64 pegawai polis, 41 pegawai Kementerian Pendidikan, 19 pegawai Kementerian Kesihatan, enam pegawai pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, tiga pegawai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dua pegawai Kementerian Belia dan Sukan dan masing-masing seorang pegawai daripada Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Perpaduan Negara.

Dari jumlah tersebut, jelasnya, nasib 20 pegawai telah diputuskan oleh lembaga tatatertib yang berkenaan dan 18 daripadanya didapati bersalah manakala dua pegawai dibebaskan.

"Sebanyak 16 daripada pegawai yang bersalah telah dikenakan hukuman amaran yang membawa implikasi kepada penangguhan kenaikan pangkat selama 12 bulan.

"Dua lagi pegawai yang didapati bersalah masing-masing dikenakan hukuman denda pemotongan maksimum tujuh hari emolumen dan penangguhan kenaikan pangkat selama 18 bulan dan hukuman tangguh pergerakan gaji serta penangguhan kenaikan pangkat selama 30 bulan," katanya.

Menurut beliau, bakinya yang lain iaitu 23 pegawai masih di peringkat laporan ketua jabatan, 26 pegawai dalam penentuan kes oleh pengurus, 42 pegawai telah pun dikemukakan surat pertuduhan serta 41 pegawai dikenakan surc妖.



Ahad, 2 Mac 2014

2. PBS bentuk baharu diperkenal

KUALA TERENGGANU 1 Mac - Sistem baharu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang disifatkan mesra guru dan berfokuskan pengajaran akan diperkenalkan akhir bulan ini.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kajian berhubung perkara itu sedang dilaksanakan bagi memperkemas dan menambah baik PBS supaya tidak membebankan golongan pendidik.

"Beri ruang kepada kementerian, kerana ini yang dikehendaki majoriti rakyat. Mereka tidak mahu satu sistem yang berorientasikan peperiksaan sebaliknya mahukan sistem yang menyeluruh merangkumi perkembangan jasmani, emosi, rohani, sosial pelajar.

"Mungkin dalam pelaksanaan PBS, wujud kekangan seperti masalah capaian komputer, jalur lebar dan kekerapan guru memasukkan data berkaitan bukti tetapi apabila diumumkan nanti kita akan pastikan

PBS bentuk baharu itu akan mengurangkan beban guru dan mereka diberi lebih masa untuk mengajar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis penutup Program Perdana Let's Talk and Let's Go Global Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Naib Canselor UMT, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah dan Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor.

Kementerian Pendidikan minggu lalu membuat keputusan menangguhkan pelaksanaan PBS bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenainya agar dapat mengurangkan beban tugas guru.

Kajian itu membabitkan rombakan terhadap perkara yang melibatkan kekerapan guru memasukkan data berkaitan bukti dan pencapaian murid termasuk pengisian borang rekod prestasi murid.

Sementara itu, Idris berkata, kementerian sentiasa terbuka dan telus terhadap rungutan, komen, pandangan, kritikan daripada guru dan masyarakat.

Dalam pada itu, katanya, kementerian mempunyai perancangan untuk menerapkan mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Tamil di semua sekolah kebangsaan pada masa depan dalam usaha memartabat dan memperkuatkan penguasaan pelajar dalam bahasa ketiga.

Bagaimanapun katanya, pelaksanaan itu perlu melihat pelbagai aspek kerana ketika ini, kementerian lebih menumpukan penekanan terhadap Bahasa Inggeris dan kemahiran berfikir aras tinggi.

"Perancangan itu sudah difikirkan kerana apabila ada sistem pendidikan yang menyeluruh, sekolah kebangsaan akan menjadi tumpuan dan pilihan ramai.

"Kita akan melihat dan mengkaji bila perkara ini boleh dilaksanakan kerana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) turut menggariskan keperluan untuk mempelajari bukan hanya dua bahasa tetapi pelbagai bahasa," katanya.

Ahad, 2 Mac 2014

3. Kastam rampas RM36.64j rokok seludup tahun lalu

SEREMBAN - Sebanyak 449.94 juta batang rokok seludup yang dianggarkan bernilai RM36.64 juta dengan cukai tidak berbayar berjumlah RM212.39 juta dirampas oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) sepanjang tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Pematuhan, Datuk Matrang Suhaili menjelaskan catatan berkenaan menyaksikan penurunan berbanding tahun sebelumnya berjumlah 510.83 juta batang rokok bernilai RM42.05 juta, dengan cukai tidak berbayar sebanyak RM254.73 juta.

Namun begitu katanya, kegiatan tersebut dianggap serius kerana ia melibatkan kehilangan pendapatan negara kira-kira RM1.9 bilion setiap tahun akibat penyeludupan rokok secara haram.

"Mana-mana pihak yang didapati menjalankan kegiatan seumpamanya, kita tidak akan menawarkan kompaun tetapi akan terus menghadapkan mereka ke mahkamah mengikut Akta Kastam 1967 seperti dasar terdahulu," katanya.

Matrang berkata demikian selepas merasmikan Program Khidmat Bakti Masyarakat dan Pelancaran Kempen Mencegah Penyeludupan KDRM negeri 2014 di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP)Labu di sini, hari ini.

Katanya lagi buat masa ini pihaknya masih lagi mengkaji sama ada belum lagi muh mengenakan tindakan ke atas pembeli sebaliknya bertindak secara agresif bagi memerangi pengedar dan penjual rokok seludup.

"Bagaimanapun, KDRM bersedia bila-bila masa saja, untuk menangkap dan mendakwa golongan pembeli rokok tidak sah bagi memerangi kegiatan penyeludupan secara menyeluruh, yang secara automatik mengurangkan permintaan," katanya.

Berdasarkan rekod tahun lalu seramai 3,294 penyeludup dan penjual rokok tidak sah didakwa di mahkamah dan penguatkuasaan untuk memastikan lebih ramai golongan itu menerima nasib sama akan terus dipertingkatkan bagi memerangi kegiatan berkenaan.

Ahad, 2 Mac 2014

4. Denggi ragut 34 nyawa dalam tempoh 2 bulan

PUTRAJAYA 1 Mac - Demam denggi telah meragut 34 nyawa termasuk 13 kematian di Selangor dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini.

Kes kematian akibat denggi meningkat mendadak jika dibandingkan dengan lapan kematian yang dicatatkan untuk tempoh sama pada 2013.

Kementerian Kesihatan dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, sebanyak 18,047 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara pada Januari dan Februari ini berbanding 4,371 kes untuk tempoh sama pada tahun lalu.

"Selangor kekal mencatatkan kes demam denggi tertinggi sebanyak 9,946 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (1,697), Perak (1,247), Johor (1,148) dan Negeri Sembilan (1,126).

"Selangor turut mencatatkan kes kematian tertinggi diikuti Johor dengan lima kes dan masing-masing tiga kes kematian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pulau Pinang dan Perak," menurut kenyataan itu yang diedarkan sempena dengan program Gerak Gempur Aedes di Presint 11, di sini hari ini.

Program anjuran Jabatan Kesihatan Putrajaya itu dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Rabu, 5 Mac 2014

5. Industri sawit sasar tingkat produktiviti

KUALA LUMPUR 4 Mac - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, industri minyak sawit di negara ini akan memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan produktiviti dan kemapanan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) mulai 2016.

Timbalan Perdana Menteri berkata, inisiatif itu turut menumpukan kepada pengukuhan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta teknologi dan mempromosi aktiviti nilai tambah.

Sehubungan itu, kata beliau, penggiat-penggiat industri minyak kelapa sawit tidak boleh terus berasa selesa dengan prestasi harga semasa komoditi tersebut.

"Bagi mengekalkan daya saing kita di pasaran global, kita perlu menangani isu-isu penting seperti alam sekitar, pengeluaran mapan dan liberalisasi perdagangan.

"Dengan persaingan yang semakin sengit, wujud kepentingan strategik bagi industri ini untuk mengkaji kelebihan relatif minyak sawit Malaysia dan memanfaatkannya," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Minyak Sawit dan Laurik (POC) 2014 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perusahaan Perdagangan dan Komoditi, Datuk Douglas Uggah Embas; Pengerusi Bursa Malaysia, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Tajuddin Atan.

Muhyiddin menambah, industri minyak kelapa sawit juga perlu mempelbagaikan aktiviti hiliran kerana langkah itu akan melonjakkan nilai pasaran komoditi tersebut.

"Minyak kelapa sawit boleh dihasilkan semula sebagai produk lain yang mempunyai pelbagai kegunaan," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada usaha menjana kekayaan melalui penghasilan produk oleokimia, biojisim, biodiesel, makanan dan phytonutrien.

"Sehubungan itu, kerajaan menyeru kepada pemain-pemain industri agar lebih komited dan menggiatkan lagi kegiatan R&D bagi meningkatkan produktiviti," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Muhyiddin berkata, industri minyak kelapa sawit menyumbang sebanyak RM63.2 bilion atau 8.8 peratus daripada hasil eksport negara tahun lalu.

"China merupakan pengimport terbesar produk minyak sawit Malaysia dengan nilai keseluruhan RM11.25 bilion atau 4.8 juta tan," katanya.

Beliau turut mengumumkan Pertandingan Mekanisasi Sektor Sawit Antarabangsa (ICOPM) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang bermula hari ini.

Pertandingan itu menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan sebanyak RM500,000 dan hadiah istimewa RM1 juta bakal menjadi milik pemenang keseluruhan yang mencipta teknologi mekanisasi yang mampu mentransformasi sektor sawit negara.

Tarikh tutup pertandingan adalah pada 31 Mei ini dan maklumat lanjut dipaparkan pada laman sesawang MPOB (<http://www.mposb.gov.my/ICOPM>).

Rabu, 5 Mac 2014

6. RM480 juta tanam semula getah tahun ini

TEMERLOH 4 Mac - Sebanyak RM792 juta diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) tahun ini bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan pekebun kecil getah di seluruh negara.

Ketua Pengarah RISDA, Datuk Wan Mohamad Zuki Mohamad berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM480 juta akan digunakan untuk penanaman semula getah manakala selebihnya dalam pelbagai program pembangunan yang dirancang.

"Kita ucapkan terima kasih dengan kelulusan bajet tahunan ini dan RISDA akan memastikan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan dilaksanakan sebaik mungkin bagi memberi manfaat kepada pekebun kecil getah," katanya dalam Majlis Pelancaran Kempen Penorehan Peringkat Kebangsaan di Kampung Purun/Machang Manis di sini hari ini.

Menurut Wan Mohamad Zuki, selain bantuan tersebut, pihaknya akan terus memberi penekanan kepada Amalan Pertanian Baik (GAP) yang dilihat mampu meningkatkan produktiviti sekali gus meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah.

Jelasnya, kempen penorehan getah yang menjadi kesinambungan kepada kempen membaja dan kempen penggunaan rangsangan lateks telah memberi kesan positif kepada produktiviti pekebun terbabit.

"Setakat ini kita mempunyai seluas 922,800 hektar kawasan getah. Jadi, adalah amat bertepatan bahawa kita perlu memberi fokus kepada penorehan supaya semua kawasan ini ditoreh, seterusnya berupaya meningkatkan pendapatan pekebun kecil di samping meningkatkan pengeluaran getah negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, selain meningkatkan produktiviti, tujuan kempen tersebut adalah memberi kesedaran dan pendedahan tentang kepentingan teknik penorehan sempurna bagi memastikan jangka hayat pokok mencapai tempoh yang optima.

Khamis, 6 Mac 2014

7. SPRM serah 17 kertas siasatan

PUTRAJAYA 5 Mac - Pejabat Peguam Negara telah menerima 17 kertas siasatan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk diteliti susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara 2012 (LKAN 2012).

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail berkata, kertas-kertas siasatan tersebut diserahkan oleh SPRM secara berperingkat bermula 14 November 2013 dan kertas siasatan yang terbaharu diterima pada 14 Februari lalu selepas beberapa kali diminta.

Sejak 14 November, kesemua kertas siasatan yang dirujuk telah diteliti dengan segera sebaik sahaja diterima dan sesi perbincangan di antara kedua-dua pihak terutamanya pegawai-pegawai penyiasat yang berkaitan juga sentiasa diadakan.

Menurutnya, daripada tarikh tersebut, kertas-kertas siasatan sentiasa diteliti, dipulangkan kepada pihak SPRM dan dikembalikan semula oleh pihak SPRM berulang kali.

Ingin dijelaskan bahawa kesemua kertas siasatan yang dikemukakan oleh pihak SPRM pada kali pertama didapati tidak lengkap dan memerlukan penyiasatan lanjut. Berdasarkan penelitian jabatan ini, adalah didapati bahawa kertas-kertas siasatan yang telah dirujuk tidak meliputi semua aspek teguran yang telah dibuat di dalam LKAN 2012 termasuk isu-isu berbangkit daripada penyiasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebagai contoh, terdapat beberapa isu material yang berbangkit di dalam pernyataan saksi-saksi yang ditemui bual telah tidak disoal dan disemak dengan lebih lanjut oleh pegawai penyiasat SPRM.

Dokumen-dokumen material juga telah tidak diperoleh dan dirujuk untuk mendapatkan penjelasan lanjut semasa pernyataan saksi diambil.

Kelompongan dan ketiadaan maklumat-maklumat dan dokumen yang diperlukan telah menyukarkan jabatan ini untuk membuat sebarang syor terhadap kertas-kertas siasatan tersebut dengan adil dan saksama," tegasnya.

Abdul Gani berkata, sehingga kini sebanyak sembilan kertas siasatan telah dikembalikan kepada pihak SPRM dengan syor supaya ia ditutup selepas tidak cukup keterangan bagi membolehkan pertuduhan jenayah dilakukan.

Dalam beberapa kes, kata beliau, adalah diperhatikan bahawa salah laku atau salah urus perbelanjaan yang telah dibangkitkan di dalam LKAN 2012 dan disiasat oleh pihak SPRM tersebut adalah berikutan daripada kecuaian pegawai-pegawai di samping kelemahan prosedur pentadbiran, kewangan dan tadbir urus di kementerian, jabatan dan agensi yang berkenaan.

Justeru, tindakan untuk menambah baik prosedur dan tadbir urus dan saranan untuk suatu tindakan tatatertib terhadap pegawai yang terlibat telah dicadangkan di dalam beberapa kertas siasatan.

Selain itu, sebanyak tujuh kertas siasatan yang lain telah dipulangkan oleh jabatan itu kepada pihak SPRM dengan arahan untuk menjalankan siasatan lanjut bagi mendapatkan maklumat tambahan dan dokumen sokongan yang berkaitan sebelum suatu syor yang muktamad diberikan.

Kata beliau, beberapa pertuduhan yang berbangkit daripada tiga kertas siasatan yang telah dirujuk juga sedang dipertimbangkan oleh jabatan itu.

Selain itu, beliau turut memaklumkan bahawa jabatan itu tidak menerima kertas-kertas siasatan bagi dua kes iaitu.

i) Kes program bantuan Rumah Dhuafat yang tidak memuaskan kerana pemilihan penerima bantuan tanpa borang permohonan, pendapatan penerima melebihi garis kemiskinan, tiada justifikasi terhadap jumlah pemberian bantuan yang berbeza, rumah tidak siap walaupun bayaran penuh telah dibuat dan tiada penetapan spesifikasi rumah.

(ii) Kes pemberian tender bernilai RM14,385,332 oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berhubung mereka bentuk, membina, menguji dan mentaulahkan STEEL HULL latihan dan penyelidikan untuk UMT sedangkan hasil pemeriksaan Jabatan Laut Malaysia mendapati ia tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.



Khamis, 6 Mac 2014

8. Risiko rasuah tinggi dalam sektor pembinaan

KUALA LUMPUR 5 Mac - Gabungan anti rasuah akan dibentuk dengan melibatkan tiga sektor dikenal pasti pada peringkat awal iaitu pembinaan, peralatan perubatan dan farmaseutikal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Seng Kuan berkata, buat masa ini pembentukan gabungan itu masih di peringkat draf dan akan dilaksanakan apabila siap sepenuhnya.

Katanya, sektor pembinaan dikenal pasti mempunyai risiko rasuah yang tinggi berbanding dua lagi sektor yang terlibat di bawah pembentukan gabungan itu.

Selepas gabungan ini dilaksanakan ke atas tiga sektor berkenaan, ia akan dikembangkan kepada sektor lain iaitu rangkaian pembekalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutup Sidang Kemuncak Tadbir Urus Korporat Tahunan Kali Keenam di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Asian World Summit, Datuk Ng Thien Phing dan Pengerusi Sidang Kemuncak Tadbir Urus Korporat Tahunan Kali Keenam, Dr. Shanty Rachagan.

Persidangan selama dua hari yang dihadiri 100 peserta itu dianjurkan Asian World Summit.

Seng Kuan berkata, menerusi pembentukan gabungan itu secara tidak langsung dapat memastikan aktiviti perniagaan dan sektor korporat bebas daripada gejala rasuah.

Pada masa sama katanya, kerajaan juga akan memperkenalkan satu piawaian bagi sistem pengurusan anti rasuah untuk menggalakkan etika perniagaan yang bersih dan amanah.

Menurut beliau, hanya dengan penglibatan semua pihak dapat membantu kerajaan ke arah membentuk masyarakat yang berintegriti tinggi.

Menyentuh tentang pendekatan kementerian kepada kementerian di bawah Program Transformasi Kerajaan, beliau berkata, perkara itu membabitkan tiga kementerian iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kerja Raya.

Sasaran kita menerusi pendekatan ini dapat membawa perubahan kepada semua peringkat termasuk akar umbi," katanya.



Khamis, 6 Mac 2014

9. Johor catat pelaburan RM14.4 bilion, destinasi popular pelaburan di Malaysia

KUCHING 4 Mac - Johor merupakan destinasi pilihan utama pelabur di negara ini apabila mencatatkan nilai pelaburan berjumlah RM14.4 bilion dalam sektor pembuatan mengatasi Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, Selangor berada di tangga kedua dengan hasil pelaburan sebanyak RM9.8 bilion, diikuti Sarawak (RM8.27 bilion) dan Pulau Pinang (RM3.9 bilion).

Katanya, daripada keempat-empat negeri itu, Sarawak mencatat hasil pelaburan hampir mencecah dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM4.72 bilion.

Menurutnya, jumlah itu menunjukkan pengusaha dan penggiat aktiviti perniagaan pelbagai peringkat di Sarawak mempunyai keyakinan dalam menarik pelabur asing dan domestik terhadap prestasi ekonomi negeri itu.

"Saya juga percaya komitmen kerajaan negeri dalam mewujudkan suasana kondusif dan mesra pelabur ternyata berjaya menarik pelabur untuk menanam modal di Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan aktiviti turun padang ke beberapa kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang beroperasi di sekitar bandar raya ini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Muda Pembangunan Usahawan Bumiputera negeri, Datuk Mohd. Naroden Majais.

Dalam lawatan itu, Hamim bersama beberapa kakitangan kementeriannya telah melawat kilang MEMC Kuching Sdn. Bhd. iaitu kilang pembuatan panel solar tempatan, MUSC Food Industries Sdn. Bhd.(kilang pemprosesan perencah laksa Sarawak) dan Cinqasa Sdn. Bhd. (kilang minuman berkarbonat).

Hamim berkata, peningkatan angka pelaburan itu juga hasil sikap masyarakat bumiputera di negeri ini yang mudah untuk menerima perubahan teknologi.

Katanya, menerusi prasarana teknologi itu, kerajaan yakin ia akan memberi manfaat lebih luas kepada pengusaha tempatan dalam menarik lebih banyak pelaburan.



Khamis, 6 Mac 2014

10. Galak PKS guna teknologi baharu

TUARAN 3 Mac - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan terus memberi tumpuan dan perhatian khusus bagi melahirkan golongan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang boleh memanfaatkan teknologi baharu atau teknologi tinggi dari luar negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, usaha mewujudkan lebih ramai usahawan PKS memiliki teknologi baharu dalam perniagaan masing-masing dilihat penting bagi golongan tersebut meningkatkan pengeluaran dan menghasilkan produk bermutu tinggi.

Beliau berkata, langkah tersebut bukan sekadar perniagaan masing-masing boleh berdaya maju dan meningkat maju, masalah kebergantungan kepada tenaga kerja mahir dari luar negara juga dapat diatasi, sekali gus melahirkan usahawan berinovasi tinggi.

"Penggunaan teknologi tinggi atau baharu dalam segmen perniagaan PKS bukan sahaja mampu menjana perkembangan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi, malah terus menjadikan PKS menjadi penyumbang besar kepada aktiviti perniagaan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Tomher Industrial Sdn. Bhd. (Tomher) dan Colourcoil Industries Sdn. Bhd. (Colourcoil) dekat sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengarah Urusan Tomher, Ethan Tan dan Pengarah Urusan Colourcoil, Roger Ling Kong Siong.

Tambah Hamim, perkembangan positif itu bakal menjadikan industri berteraskan kepada teknologi tinggi atau baharu dapat dipertingkatkan jumlahnya, dan dalam masa yang sama mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, MITI dan agensi berkaitan menyediakan banyak peluang kepada usahawan PKS untuk menggunakan teknologi baharu dari luar negara menerusi bantuan tajaan geran memindahkan teknologi tersebut.

Jelasnya, tanpa mengehadkan negara tertentu bagi membolehkan pemindahan teknologi itu berlangsung, MITI turut bertindak agresif turun padang bagi meninjau perkembangan serta permasalahan yang dihadapi oleh PKS.

"Rata-rata permasalahan yang dihadapi adalah kekurangan modal besar atau melebarkan perniagaan ke tahap lebih tinggi, selain meningkatkan hasil pengeluaran syarikat masing-masing," katanya.



Khamis, 13 Mac 2014

11. LHDN optimis kutip hasil RM140 bilion

ALOR SETAR 12 Mac - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) optimis dapat mencapai sasaran kutipan cukai sebanyak RM140 bilion tahun ini melihat faktor kestabilan politik negara dan pertumbuhan kukuh Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Mahfar berkata, keyakinan itu melihat pertumbuhan ekonomi negara pada 2013 yang mencatatkan sebanyak 4.7 hingga 5 peratus seperti dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Katanya, sasaran tersebut dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan ketika Bajet 2014, Oktober tahun lepas.

Kestabilan politik memainkan peranan, kalau tidak sasaran ini tidak mungkin tercapai, selain daripada KDNK tahun lepas yang dilaporkan antara 4.7 hingga 5 peratus, sekali gus membawa pertumbuhan positif yang akan membantu dari segi perkembangan domestik, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pejabat Pengarah LHDN/Kedah/Perlis di Menara BDB, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah LHDN Kedah/Perlis, Abdul Rahaman Kamarulzaman.

Mohd. Shukor menambah, prestasi kutipan cukai yang memberangsangkan di peringkat negeri juga akan merealisasikan lagi sasaran itu.

Pejabat LHDN Kedah/Perlis menunjukkan prestasi kutipan yang sangat memberangsangkan iaitu dengan kutipan RM1.220 bilion pada 2013 berbanding RM1.077 bilion pada 2012 iaitu peningkatan sebanyak 13.31 peratus, katanya.

Tambahnya, agensi tersebut juga tidak akan bertolak ansur terhadap sesiapa saja yang mlarikan diri daripada membayar cukai dan akan mengambil tindakan tegas.

"Kita tidak akan bertolak ansur dan sentiasa cuba banteras tindakan elak cukai," tegasnya.

LHDN berjaya membuat kutipan hasil sebanyak RM86.48 bilion pada 2010, RM109.68 bilion (2011), RM124.87 bilion (2012) dan RM129 bilion (2013).



Ahad, 16 Mac 2014

12. RM133j naik taraf Lapangan Terbang Mukah dilulus

MUKAH 15 Mac - Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM133 juta bagi menjalankan kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Mukah di sini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, projek pembangunan itu dijangka dilaksanakan dalam tempoh terdekat sebaik sahaja kementerian tersebut melantik kontraktor.

Katanya, peruntukan itu bagi membangunkan kawasan tanah lapangan terbang tersebut selain meningkatkan kemudahan seperti pengangkutan awam.

"Kita menjangkakan apabila projek menaik taraf lapangan terbang ini siap, aktiviti pembangunan di kawasan Mukah akan berubah menjadi semakin rancak."

"Ini adalah usaha Kerajaan Pusat untuk membangunkan Mukah yang bakal menjadi pusat Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)," katanya dalam sidang akhbar selepas mengumumkan

calon Barisan Nasional (BN) yang bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Balingian di Dewan Suarah Mukah di sini hari ini.

Sementara itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, kerajaan menyedari tentang keperluan meningkatkan tahap infrastruktur dan prasarana pendidikan tanpa mengira lokasi dan jenis sekolah.

Katanya, kerajaan tidak akan pilih kasih dan merancang membina Sekolah Kebangsaan Tellian di sini dalam tempoh terdekat.

"Keadaan yang sama juga akan dilakukan terhadap pembinaan Sekolah Menengah di Balingian yang ketika ini kawasan tersebut hanya memiliki sekolah rendah."

"Pembinaan dua sekolah ini akan terus diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi memastikan semua kawasan termasuk luar bandar dan pedalaman mempunyai kemudahan pendidikan," katanya.



Rabu, 19 Mac 2014

13. 80% beban guru berkurangan

KUALA LUMPUR 18 Mac - Bebanan yang ditanggung para guru menerusi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) kini berkurangan 70 hingga 80 peratus kerana mereka tidak perlu lagi mengisi dan merekodkan penilaian pelajar ke dalam sistem komputer berpusat secara dalam talian.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin berkata, guru-guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara *offline* selepas pelaksanaan PBS diteruskan semula dengan beberapa penambahbaikan pada 1 April ini.

Menurut beliau, langkah itu merupakan penyelesaian kepada isu merekodkan prestasi murid melalui Sistem Pengurusan PBS (SPPBS) secara dalam talian yang sukar diakses dan memakan masa yang lama.

"Yang jadi beban dahulu ialah kerana semua data penting termasuk eviden dan deskriptor perlu dimasukkan ke dalam sistem komputer berpusat secara dalam talian tetapi sekarang tidak perlu lagi."

"Bukan sahaja data tidak perlu disimpan secara dalam talian tetapi eviden dan deskriptor dikurangkan. Maka, ini akan mengurangkan antara 70 hingga 80 peratus beban yang ditanggung oleh guru-guru sekarang," katanya dalam sidang akhbar bagi mengumumkan penambahbaikan PBS di bangunan Parlimen hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan.

Pemimpin-pemimpin kesatuan guru yang hadir ialah Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Hashim Adnan; Setiausaha Agung NUTP, Lok Yim Pheng; Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lepasan Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM), Datuk Jemale Paiman; Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM), Muhamad Khalil Abd. Jalil dan Yang Dipertua Majlis Gabungan Guru Besar Malaysia (MGGBM), Ruslan Madun.

PBS mula dilaksanakan di sekolah rendah sejak 2011 dan di sekolah menengah mulai 2012, namun Kementerian Pendidikan pada 11 Februari lalu telah membuat keputusan untuk menangguhkan dan mengkaji semula pelaksanaannya.

Tindakan itu diambil berikutan keluhan para guru bahawa mereka dibebankan dengan kesibukan mengisi dan merekodkan penilaian pelajar ke dalam sistem komputer berpusat.

Ibu bapa tidak pasti bagaimana prestasi dinilai terutama pelajar tingkatan tiga yang merupakan kohort pertama PBS.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan menambah, kementerian menetapkan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dipermudahkan menjadi Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid.

Beliau memberitahu, langkah penambahan itu membolehkan guru-guru merekodkan tahap penguasaan pelajar mengikut kesesuaian masa dan kaedah mereka sendiri.

"Perekodan ini menggambarkan perkembangan pembelajaran pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh dimaklumkan kepada ibu bapa," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, pihak sekolah boleh menyediakan laporan pencapaian ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun untuk ibu bapa yang ingin mengetahui tahap pencapaian anak mereka.

Menurut beliau, guru juga tidak perlu lagi menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit manakala perekodan perkembangan pembelajaran pelajar boleh dilakukan mengikut kesesuaian masa mereka.

Dalam perkembangan sama, Muhyiddin berkata, latihan dan taklimat berhubung penambahbaikan PBS akan diadakan secara berterusan kepada pegawai-pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pentadbir sekolah dan guru-guru.

"Saya fikir memang perlu ada penerangan supaya tidak berlaku salah faham. Kita buat kursus selama dua atau tiga hari mengikut kesesuaian," jelasnya.

Tambah beliau, kementerian juga akan menganjurkan latihan bagi memastikan guru-guru memahami konsep pentaksiran dan meningkatkan kemahiran mereka memeriksa jawapan pelajar.

14. Majikan wajib guna e-Caruman mulai 1 April

KUALA LUMPUR 27 Mac - Majikan yang mempunyai lebih 50 pekerja diwajibkan menghantar butiran caruman bulanan melalui saluran elektronik e-Caruman berkuatkuasa 1 April ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Datuk Ibrahim Taib berkata, e-Caruman dapat membantu majikan mengurangkan kos operasi dalam jangka masa panjang dan membantu meningkatkan kecekapan operasi.

"Majikan boleh menghantar butiran caruman lebih tepat dan mudah berbanding dengan kaedah mengisi borang secara manual sekali gus dapat menjimatkan masa.

"Lebih penting, penghantaran secara *online* melalui e-Caruman membolehkan caruman dikreditkan terus ke dalam akaun ahli KWSP," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Ibrahim, pautan e-Caruman boleh diperoleh melalui i-Akaun di laman web myEPF www.kwsp.gov.my.

"Majikan perlu mendaftar i-Akaun sebelum menggunakan dan bagi majikan yang baharu dan sedia untuk mendaftar, borang KWSP 1 atau KWSP 1(i) perlu dilengkapkan terlebih dahulu bagi mendapatkan kod pengaktifan sebelum mengaktifkan i-Akaun melalui laman web tersebut," katanya.

Majikan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman web myEPF atau mengunjungi mana-mana cawangan KWSP berhampiran.

Selain itu, mereka boleh menghubungi Pusat Panggilan KWSP di 03-8922 6000 (dari 8.00 pagi hingga 6.00 petang, Isnin hingga Jumaat) atau menghantar sebarang pertanyaan ke <http://enquiry.kwsp.gov.my>.

15. Kematian denggi meningkat 314%

KUALA LUMPUR 30 Mac - Kes kematian akibat demam denggi di negara ini tahun ini meningkat sebanyak 314 peratus dengan 58 kematian dicatatkan sehingga semalam, berbanding hanya 14 kematian dalam tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, secara keseluruhannya, sebanyak 24,917 kes denggi dilaporkan dengan peningkatan sebanyak 18,817 kes atau 308 peratus berbanding 6,100 kes tahun lalu.

Katanya, Selangor mencatatkan jumlah kes demam denggi tertinggi iaitu sebanyak 13,915 kes berbanding hanya 2,642 kes yang dikesan sepanjang tempoh sama tahun lalu.

"Daerah Petaling menyumbangkan kira-kira 60 peratus daripada jumlah berkenaan kerana kawasan itu mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan jumlah rumah yang banyak.

"Justeru pada minggu ini, kita akan memberi tumpuan kepada Daerah Petaling untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kempen Sifar Denggi di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus Besar S.C. Johnson & Sons (M) Sdn. Bhd., Cristina Ronski; Pengarah Perhubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Korporat Tesco Malaysia, Azlam Shah Alias dan Wakil Komuniti Taman Sejahtera, Kepong, Datuk Kamarudin Ambok.

Menurut Subramaniam, dalam melaksanakan aktiviti pencegahan, pihaknya turut menumpukan kawasan-kawasan sekolah memandangkan waktu paling aktif bagi nyamuk aedes menggigit mangsanya adalah pada sebelah pagi.

"Pada waktu ini, murid-murid yang berada di sekolah turut berisiko tinggi sekiranya terdapat tempat-tempat pembiakan nyamuk di kawasan itu," jelasnya.

Tambahnya, langkah membanteras penularan wabak denggi akan diteruskan ke peringkat akar umbi, namun penglibatan secara proaktif dan kesedaran masyarakat tentang bahayanya amat penting bagi menjayakan usaha tersebut.

"Selain kepimpinan yang kuat dalam sesebuah kawasan, masyarakat perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan mereka dalam memerangi masalah ini.

"Hal ini kerana wabak pada musim ini lebih agresif kerana jenis virusnya berbeza daripada segi stereotaip," katanya.